

U 8525 AAB
UMNO - MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 29 JULAI (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI MEMUTUSKAN UNTUK MENERIMA SEMUA PERMOHONAN OLEH ORANG MELAYU UNTUK MENGANGGOTAI PARTI ITU, WALAUPUN DIBANTAH PADA PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN.

DENGAN KEPUTUSAN ITU, PERMOHONAN ANGGOTA PARLIMEN BEBAS KAWASAN JOHOR BAHRU DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD UNTUK MENGANGGOTAI SEMULA UMNO, YANG DITANGGUHKAN SEBELUM INI TURUT DITERIMA.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI DI SINI HARI INI, PRESIDEN PARTI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KEPUTUSAN ITU DIBUAT MEMANDANGKAN TIMBULNYA PELBAGAI PENDIRIAN PADA PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN TERHADAP SESUATU PERMOHONAN TERMASUK MEMINTA MAJLIS TERTINGGI SUPAYA MENOLAK ATAU MENANGGUHKAN PERMOHONAN.

KATANYA, WALAUPUN ADA CAWANGAN DAN BAHAGIAN MEMBANTAH TERHADAP SESUATU PERMOHONAN, MAJLIS TERTINGGI AKAN BERPEGANG KEPADA KEPUTUSAN UNTUK MENERIMA SEMUA PERMOHONAN TANPA MENGECEUALIKAN SESIAPA.

KATA BELIAU: +SEBENARNYA INI MEMANG MERUPAKAN KEPUTUSAN KITA TETAPI TIMBUL BEBERAPA PENDIRIAN YANG BERBEZA-BEZA PADA PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN YANG MEMINTA PERMOHONAN DITANGGUH ATAU DITOLAK. OLEH ITU UNTUK MEMUDAHKAN PROSES ITU MAJLIS TERTINGGI MENERIMA SEMUA PERMOHONAN+. -- LAGI
1607MST 29 07 89

U B529 AAB
UMNO - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R R

KETIKA DITANYA MENGENAI KEDUDUKAN DATUK SHAHRIR, PERDANA MENTERI BERKATA: +BELIAU ADALAH ANGGOTA UMNO KERANA (BELIAU) TELAH MEMBUAT PERMOHONAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA DATUK SHAHRIR MENARIK BALIK PERMOHONAN ITU IA AOALAH PERKARA LAIN +TETAPI SETAHU SAYA BELIAU TELAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN+.

MENGENAI KENYATAAN DATUK SHAHRIR DALAM AKHBAR HARI INI BAHAWA BELIAU TIDAK AKAN MENYERTAI UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA, MAJLIS TERTINGGI TIDAK MENGAMBIL KIRA KENYATAAN MELALUI AKHBAR TETAPI MAJLIS ITU AKAN MENGHORMATI APA JUA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH DATUK SHAHRIR.

MENURUTNYA, SETAKAT INI MAJLIS TERTINGGI TIDAK MENERIMA APA-APA SURAT DARIPADA DATUK SHAHRIR YANG MENYATAKAN IA MEMBATALKAN PERMOHONANNYA MENYERTAI UMNO, KECUALI (MENERIMA) SURAT PERMOHONANNYA SAHAJA.

DATUK SHAHRIR SEMALAM DILAPORKAN BERKATA BAHAWA BELIAU AKAN KEKAL MENJADI ANGGOTA PERLIMEN BEBAS DAN TIDAK AKAN MENYERTAI UMNO.
-- LAGI

1620MST 29 07 89

D530

R B539 AAB

UMNO - HAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R R

BERHUBUNG KEDUDUKAN DATUK SHAHRIR DALAM HAJLIS ITU, DATUK SERI DR HAHATHIR **BERKATA**, HESYUARAT HARI **INI** TIDAK HEMBINCANGKAN PERKARA TERSEBUT.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, SELAIN DARIPADA **SOAL** KEANGGOTAAN **PARTI**, MESYUARAT **ITU JUGA** MEHBINCANGKAN HAL-HAL BERKAITAN PENTADBIRAN **PARTI**. BELIAU TIDAK **MAHU MENGULAS** HENGENAINYA.

KETIKA DITEMUI SELEPAS MESYUARAT **LEBIH LIMA JAM ITU**, SETIAUSAHA AGUNG PART1 DATUK MOHAMED RAHMAT PULA **BERKATA**, DENGAN KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI PART1 **ITU**, DATUK SHAHRIR **KINI** DITERIHA HENJADI ANGGOTA UHNO DAN BOLEH BERTANDING UNTUK JAWATAN **PARTI**.

BELIAU **BERKATA**, HEREKA YANG MEMOHON MENJADI ANGGOTA SEBELUM 31 MAC LAYAK BERTANDING UNTUK JAWATAN HANAKALA YANG MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SELEPAS TARIKH **ITU** BOLEH HENGHADIRI HESYUARAT TETAPI TIDAK BOLEH HENGUNDI DAN BERSUARA.

DATUK **MOHAMED**, YANG **JUGA MENTERI** PENERANGAN **BERKATA**, SEHINGGA **PAGI TADI**, BELIAU BELUM MENERIMA SURAT JAWAPAN DARIPADA DATUK SHAHRIR **SEPERTI** YANG DIHINTA OLEH MAJLIS TERTINGGI BERHUBUNG KENYATAANNYA YANG HENIMBULKAN KERAGUAN SEMASA KEHPEN **PILIHAN RAYA** KECIL PARLIMEN KAWASAN **AMPANG JAYA**, AWAL TAHUN **INI**. -- **LAGI**
1720MST 29 07 89

0523

U 8 5 4 0 AAB

UMNO - HAHATHIR 4 KUALA LUHPUR R R R R

MENURUT DATUK **MOHAMED**, MAJLIS TERTINGGI HANYA MEMBUAT PERTIHBANGAN BERDASARKAN LAPORAN DARIPADA KETUA PERHUBUNGAN' UHNO JOHOR TAN SRI HAJI **MUHYIDDIN** YASSIN YANG TELAH BERUNDING DENGAN DATUK SHAHRIR BERHUBUNG KEANGGOTAANNYA.

KATANYA, TAN SRI **HAJI MUHYIDDIN** DALAM LAPORANNYA PUASHATI DENGAN PERBINCANGAN DENGAN DATUK **SHAHIR**, DAN BERDASARKAN **ITU**, MAJLIS TERTINGGI TELAH MENIHBANGKAN PERHOHONAN DATUK SHAHRIR.

HENGENAI PERMOHONAN KEANGGOTAAN YANG DIHALANG **PADA** PERINGKAT **CAWANGAN**, DATUK HOHAMED **BERKATA**, HEREKA YANG HEHPUNYAI **BUKTI** TELAH HENGEHUKAKAN PERHOHONAN TETAPX TIDAK DIKETENGAHKAN OLEH CAWANGAN BOLEH HEHBAWA PERKARA **ITU** KEPADA BELIAU **UNTUK DILULUSKAN**.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, HEREKA HENDAKLAH MENGEMUKAKAN **BUKTI** DENGAN HENUNJUKKAN SALINAN FOTOSTAT **PERMOHONAN** ATAU RESIT **YURAN** SEBELUM DIHINTA **MENGISI** BORANG BARU **UNTUK DILULUSKAN**.

BELIAU **BERKATA** KURANG DARIPADA **5,000** PERMOHONAN YANG BELUM **DILULUSKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI**, SEBELUM INI ADALAH PERMOHONAN YANG HENDAPAT BANTAHAN DARIPADA CAWANGAN **ATAU BAHAGIAN** DAN PERMOHONAN YANG DITANGGUHKAN **KELULUSAN** HEREKA KERANA **MAKLUMAT** YANG TIDAK LENGKAP. -- BERNAMA
1709MST? 0 07 89